



Trak yang dapat membantu menyelesaikan pengangkutan di utara Malaysia.

MTBM fokus kawasan utara

MAN Truck dan Bas (M) Sdn Bhd (MTBM) mengukuhkan komitmennya untuk terus menyampaikan penyelesaian pengangkutan kepada pelanggan di utara Malaysia dengan membekalkan trak lebih cekap, di samping penggunaan kos jauh lebih rendah.

Pengurus Besar Jualan MTBM, Dinesh Nair berkata; kawasan utara dipilih kerana menjadi pintu masuk penting dalam urusan logistik merentas sempadan.

"Oleh sebab industri pengangkutan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, justeru kami akan terus menyokong pelanggan dengan menyediakan trak berteknologi bagi per-

khidmatan lebih baik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan MTBM, Hartmut Mueller berkata, dalam keadaan ekonomi masa kini, di mana kenaikan kos menjalankan perniagaan adalah penting bagi syarikat pengangkutan memaksimumkan kecekapan dan mengurangkan kos operasi.

"Trak kami beriimbangan sempurna di antara prestasi, muatan dan penggunaan bahan api yang baik, untuk membantu mereka mencapai jumlah kos pemilikan yang lebih rendah.

"Dengan pusat khidmat 26,600 kaki persegi, MTBM terletak di Perai, Pulau Pinang, mempunyai akses lebih mudah kepada jadual penyelenggaraan yang akan datang," katanya.